



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) DI ANTARA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA DAN
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN SABAH**

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah, hari ini memeterai tiga memorandum persefahaman (MOU) disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS).
2. Memorandum Persefahaman (MOU) yang pertama adalah antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kerajaan Negeri Sabah yang diwakili oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).
3. MOU pertama ditandatangani oleh tiga pihak iaitu Ybhg. Dato' Haslina Abdul Hamid mewakili Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI), YBhg. Datuk Dr. Mariana Tinggal mewakili Kementerian Pertanian Dan Perikanan Sabah (MAFS) dan En Khairuzamri M Salleh mewakili Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM).
4. Kerjasama untuk mengembangkan industri nanas di negeri Sabah akan diteruskan melalui kerjasama strategik antara MAFI, MAF Sabah dan LPNM adalah seiring dengan hasrat kita bersama untuk meningkatkan sektor pertanian dan bagi membantu petani-petani dan pengusaha-pengusaha di Negeri Sabah.
5. Dengan persefahaman yang akan dimeterai pada hari ini, adalah diharapkan agar industri nanas di negeri Sabah akan terus berkembang dan petani-petani serta rakyat Negeri Sabah akan mendapat manfaat bukan sahaja dari aspek teknologi penanaman nanas malahan dari segi peningkatan pendapatan serta peluang pekerjaan didalam setiap komponen rantai nilai industri nanas.
6. Bagi tujuan pembangunan industri nanas di Negeri Sabah, projek usahasama antara MAFI, LPNM dan MAF Sabah akan dinamakan sebagai Projek Perintis Pembangunan Industri Nanas Negeri Sabah untuk menggalakkan pembangunan dan pengeluaran nanas di Negeri Sabah menerusi teknologi dan kaedah yang terkini. Sebanyak RM1 juta diperuntukkan pada tahun 2022 oleh MAFI menerusi LPNM bagi projek tersebut.
7. Pada tahun 2020, keluasan bertanam nanas adalah seluas 17,228 hektar bersamaan 9.5 peratus daripada keseluruhan keluasan tanaman buah-buahan di Malaysia. Kawasan tanaman nanas tertumpu di selatan Semenanjung Malaysia dan Sabah

merupakan negeri ke-3 pengeluar utama nanas dan menyumbang kepada 6.1 peratus keluasan nanas di Malaysia.

8. MOU seterusnya adalah di antara Agrobank dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) bagi mewujudkan kerjasama strategik dalam aktiviti pelaburan dan meningkatkan sinergi antara dua organisasi dibawah MAFI dan MAFS dalam membangunkan *Sabah Agroindustrial Presinct* (SAIP). Menerusi MOU ini Agrobank diwakili Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, manakala SEDCO oleh Pengurus Besar Kumpulan, Tuan Haizar R.H.Ajaz Nabijan.
9. *Sabah Agroindustrial Presinct* (SAIP) merupakan sebuah presint teknologi yang berfungsi sebagai platform untuk pembangunan Industri asas tani yang memberi tumpuan kepada pembangunan agromakanan dan tanaman khusus/produk semulajadi didorong oleh inovasi pemprosesan teknologi dan *R&D* di kawasan seluas 215 ekar terletak di Kimanis Papar.
10. MOU ketiga yang turut disaksikan oleh kedua-dua Yang Berhormat Menteri MAFI dan MAFS adalah bertujuan untuk memperkukuh, menggalakkan dan mengadakan kerjasama dalam bidang pembangunan usahawan produk berasaskan tomato melalui perundingan khidmat nasihat teknikal pembangunan kilang dan teknologi pemprosesan. MOU ini ditandatangani di antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), diwakili Ketua Pengarahnya, Dato' Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, manakala Syarikat Karkun Sdn Bhd pula diwakili Ketua Pegawai Operasi syarikat, Rizal Ajmin.
11. Bidang kerjasama umum di antara MARDI dan Karkun Sdn Bhd di bawah MOU ini merangkumi khidmat nasihat teknikal berkaitan pembangunan kilang pemprosesan tomato dan pembangunan usahawan melalui penggunaan teknologi MARDI. Kerjasama strategik ini akan meningkatkan ekonomi komuniti setempat dengan pembangunan kilang pemprosesan produk berasaskan tomato selain turut mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar.
12. Terdahulu MARDI melalui Pusat Penyelidikan Hortikultur memeterai MOU bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Komputeran dan Informatik. Tujuan MOU adalah untuk mempertingkatkan penyelidikan dan inovasi antara keduanya selain memantapkan aspek sains fundamental dan aplikasi dalam aktiviti *R&D* untuk menghasilkan teknologi bermutu dan berorientasikan industri bagi meningkatkan lebih banyak penglibatan pembangunan penyelidikan dalam pembelajaran melalui pemindahan teknologi ke UMS.
13. Kementerian akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan negara melalui pelbagai usahasama strategik bersama Kerajaan Negeri serta agensi dibawahnya demi menjamin sekuriti makanan selain membantu petani dan pengusaha agromakanan bagi mendapatkan hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman dan pemprosesan makanan melalui aplikasi teknologi terkini.

14. Secara keseluruhannya, pelaksanaan kerjasama strategik dan MOU ini melengkapkan visi kementerian selaku peneraju sektor pertanian dalam usaha mentransformasikan sektor pertanian supaya menjadi sektor yang moden dan dinamik bagi merealisasikan matlamat menjadikan Malaysia lebih kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia sekaligus menjadikan sektor pertanian dan agromakanan sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara.

15. Hadir sama menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) ini Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gopari Kitingan, Timbalan Ketua Menteri II Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (II) YB Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Haji Salleh, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Dato' Zahimi Hassan, Yang Berbahagia Datuk Dr. Mariana Tinggal, Setiausaha Tetap, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah, Pegawai Kanan serta Pengurusan Tertinggi MAFI.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
7 APRIL 2022

FACT SHEET

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI), KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN SABAH (MAFS) DAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

1. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah ditubuhkan pada tahun 1957 melalui pewartaan Akta Perindustrian Nanas 1957 (Akta 427) dan akta ini hanya terpakai di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pemakaian akta ini di Sarawak adalah melalui *extension order* dan telah berkuatkuasa pada 3 Disember 2009 melalui pewartaan Perintah Negeri Sarawak (Perluasan dan Ubah Suaian Akta Perindustrian Nanas 1957) 2009.
2. Fungsi LPNM adalah:
 - (i) Membiayai program-program penyelidikan agronomi dan penyelidikan pemprosesan yang berkaitan industri nanas;
 - (ii) Merunding perjanjian harga dan gred buah nanas yang dijual ke kilang-kilang nanas berdaftar;
 - (iii) Mengawal pengeluaran, pasaran buah nanas dan nanas kaleng (tin);
 - (iv) Mentadbir kawalan mutu dan peraturan-peraturan kesihatan di kilang-kilang nanas berdaftar;
 - (v) Menguruskan tabung ses dan menentukan kadar ses; dan
 - (vi) Mengumpulkan perangkaan dan menyimpan rekod-rekod perangkaan perusahaan nanas.
3. Sejalan dengan prinsip Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan menyokong agenda pembangunan nasional serta dasar semasa kerajaan termasuk Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang disokong melalui pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 maka kerjasama strategik antara kerajaan pusat, agensi kerajaan pusat, kerajaan negeri serta penggerak industri adalah diperlukan dan perlu dijayakan.
4. Eksport Nanas Malaysia menunjukkan trend peningkatan daripada tahun 2016 hingga 2020. Terdapat peningkatan permintaan dari negara China dan Timur Tengah terhadap nanas Malaysia terutamanya varieti nanas MD2 dan varieti tempatan seperti N36 dan Josapine. China adalah merupakan destinasi eksport yang berpotensi tinggi dengan permintaan terhadap nanas premium seperti MD2
5. Pada tahun 2020, keluasan bertanam nanas adalah seluas 17,228 hektar bersamaan 9.5% daripada keseluruhan keluasan tanaman buah-buahan di Malaysia. Kawasan tanaman nanas tertumpu di selatan Semenanjung Malaysia dan Sabah merupakan negeri ke-3 pengeluar utama nanas dan menyumbang kepada 6.1% keluasan nanas di Malaysia.

6. Industri nanas merupakan salah satu industri yang memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kemajuan ekonomi negara. Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai potensi untuk pengembangan industri nanas negara dalam mencapai hasrat di atas dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat selain mengutamakan sekuriti serta nutrisi makanan negara.
7. Berdasarkan Data Pengeluaran Nanas Tahun 2020, produktiviti tanaman nanas per hektar di Sabah mencatatkan penurunan dengan 14.92 juta tan metrik per hektar pada tahun 2020 berbanding 15.6 tan metrik per hektar pada tahun 2016. Produktiviti ini dapat ditingkatkan melalui penggunaan kaedah dan teknologi penanaman nanas yang disediakan oleh LPNM dan Sabah berpotensi untuk mengembangkan produktiviti eksport nanas dengan anggaran nilai pengeluaran berjumlah RM643 juta dalam tempoh 5 tahun (2021 – 2025).
8. Dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan, pengeluaran dan pemasaran nanas di Negeri Sabah, MAFI melihat bahawa terdapat keperluan untuk menerapkan teknologi dan kaedah terkini yang diguna pakai oleh LPNM terhadap aktiviti-aktiviti di setiap rantaian bekalan industri nanas.
9. Melalui sesi perundingan yang diadakan antara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS), cadangan untuk mengadakan kerjasama strategik untuk mengembangkan industri nanas di Sabah telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak pada 18 Oktober 2021 yang lalu.
10. Antara persetujuan yang telah dicapai adalah:
 - (i) pembentukan dua (2) jawatankuasa untuk membantu menyusun strategi membangunkan industri nanas di Sabah. Melalui jawatankuasa-jawatankuasa ini, peranan dan tanggungjawab yang berkaitan telah digariskan bagi memastikan setiap perkara yang dijalankan di Negeri Sabah adalah mengikut landasan yang ditetapkan dan dipersetujui. Jawatankuasa tersebut ialah:
 - (a) Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Industri Nanas Negeri Sabah yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha MAFI dan Setiausaha Tetap MAFS; dan
 - (b) Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Industri Nanas Negeri Sabah yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah LPNM dan Pengarah Pertanian Negeri Sabah.

11. Bagi tujuan pembangunan industri nanas tersebut di Negeri Sabah, projek usahasama antara MAFI, LPNM dan MAFS akan dinamakan sebagai Projek Perintis Pembangunan Industri Nanas Negeri Sabah. MAFI melalui LPNM memperuntukkan sejumlah RM1.0 juta pada tahun 2022 bagi pembangunan industri nanas negeri Sabah berdasarkan kepada perancangan telah dipersetujui oleh semua pihak.
12. Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada hari ini adalah diantara Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) untuk pembangunan industri nanas di Negeri Sabah.
13. MoU ini akan ditandatangani oleh tiga pihak iaitu YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mewakili MAFI, YBhg. Datuk Dr. Mariana Tinggal, Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS) mewakili MAFS dan Encik Mohd Khairuzamri bin M Salleh, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi mewakili LPNM.
14. Majlis ini turut disaksikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah (MAFS).
15. Melalui MoU ini, semua pihak mengisytiharkan hasrat masing-masing untuk mewujudkan asas kerjasama dan permuafakatan bersama untuk memperkenalkan teknologi baharu dan menyediakan pemindahan pengetahuan kemahiran teknikal yang terkini untuk pembangunan pengetahuan terhadap industri nanas di Negeri Sabah.
16. Bagi menyokong usaha pemindahan pengetahuan, Kursus Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas telah diadakan pada 7 April 2022 dan kursus telah disampaikan oleh Pegawai Pengembangan LPNM. Kursus ini merangkumi beberapa modul asas tanaman nanas seperti Pengenalan Tanaman Nanas, Proses Pemilihan Tapak Penanaman, Penyediaan Tapak sehingga kepada modul Kos Pengeluaran Nanas. Peserta yang terlibat adalah dalam kalangan peserta yang berpotensi menceburi industri nanas di Negeri Sabah.

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING EXCHANGE BETWEEN AGROBANK AND SEDCO ON SABAH AGRO-INDUSTRIAL PRECINT

1. Fokus MOU antara Agrobank dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) adalah untuk menggalakkan kerjasama antara kedua-dua organisasi pada peringkat permulaan bagi menyokong pembangunan SAIP (SABAH AGRO-INDUSTRIAL PRECINT). Objektifnya adalah untuk menggalakkan kerjasama dalam pelaksanaan aktiviti pelaburan yang menguntungkan dan meningkatkan sinergi antara dua organisasi dalam membangunkan SAIP.
2. SAIP merupakan Presint teknologi yang berfungsi sebagai *enabler/* platform untuk pembangunan Industri Asas Tani (IAT) yang memberi tumpuan kepada makanan dan tanaman khusus/ produk semula jadi dan disokong oleh teknologi inovasi pemrosesan dan R&D di kawasan seluas 215 ekar di Kimanis, Papar.
3. Bidang kerjasama antara Agrobank dan SEDCO adalah:
 - (i) perniagaan yang berkaitan dengan industri berasaskan pertanian di Sabah terutamanya dalam SAIP
 - (ii) menggalakkan kerjasama dalam melaksanakan aktiviti pelaburan yang menguntungkan dan peningkatan sinergi mengikut kesesuaian semasa

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) DAN KARKUN SDN. BHD. BERKAITAN KERJASAMA DALAM PEMBANGUNAN USAHAWAN PRODUK BERASASKAN TOMATO

1. Pembuangan buah tomato yang berlebihan telah memberi kerugian kepada pekebun-pekebun kecil di Kundasang, Sabah. Dianggarkan seluas 500 ekar tanah di kawasan Kundasang telah digunakan untuk penanaman buah tomato dengan mengeluarkan hasil iaitu 10 tan/ekar bersamaan dengan 4 bulan tempoh dari tarikh menanam hingga hasil dituai. Pengeluaran hasil dianggarkan sebanyak 15,000 tan setahun.
2. Sejumlah 80% (12,000 tan setahun) buah tomato yang ditanam mempunyai nilai kualiti terbaik iaitu Gred A dan boleh dipasarkan. Namun begitu, sejumlah 20% (3,000 tan setahun) adalah Gred B dan akan dibuang begitu sahaja. Ini disebabkan kualiti Gred B tidak memenuhi kehendak pasaran, tiada nilai pasaran dan kurang mendapat sambutan dari pengguna.

3. Antara produk hiliran berasaskan tomato adalah pes/ puri tomato, sos tomato, jus tomato, salsa, sup tomato dan serbuk tomato. Produk makanan berasaskan tomato ini adalah makanan yang diasidkan dan produk yang dihasilkan adalah stabil pada penyimpanan pada suhu bilik. Selain itu, tomato mempunyai kandungan likopen yang tinggi setelah diproses dan amat penting untuk kesihatan badan. Antara manfaat likopen adalah meningkatkan kesihatan jantung dan mengurangkan risiko kanser seperti kanser prostat.
4. Tomato yang diterima dari ladang akan dipilih, dibuang biji dan dikisar hancur sebelum diproses kepada pes tomato. Pes tomato yang dihasilkan akan digunakan sebagai ramuan utama dalam pemprosesan produk hiliran yang lain seperti sos tomato dan salsa.
5. Kaedah penyimpanan produk berasaskan tomato adalah pada suhu bilik dan menjimatkan kos berbanding buah tomato yang perlu disimpan dalam keadaan sejuk dingin.
6. Faedah pembangunan kilang dan pemprosesan produk berasaskan tomato:
 - (i) mengatasi pembuangan buah tomato dan menghasilkan produk nilai tambah;
 - (ii) mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar;
 - (iii) meningkatkan taraf sosial ekonomi penduduk tempatan; dan
 - (iv) mengurangkan kebergantungan kepada produk luar.